



KENYATAAN RASMI KEMASUKAN PELAJAR TEMPATAN KE UNIMAS

Merujuk kepada pengumuman rasmi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 31 Disember 2020 berkenaan kebenaran kemasukan pelajar tempatan ke kampus seawal 1 Mac 2021, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah membuat keputusan untuk hanya membenarkan pelajar daripada kategori berikut untuk kembali ke kampus:

1. Pelajar tahun akhir yang berkeperluan untuk berada secara fizikal di kampus
2. Pelajar pascasiswazah (secara mod penyelidikan sahaja) yang perlu berada secara fizikal di kampus
3. Pelajar berkeperluan yang berasal dari Sarawak

Pelajar yang berhasrat untuk kembali ke kampus perlu membuat permohonan secara dalam talian melalui entry.ia.unimas.my. Pelajar dari Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Labuan diwajibkan untuk menjalani proses kuarantin di Pusat Kuarantin Kerajaan Negeri serta menjalani ujian calitan (*swab test*) RT-PCR. Semua kos, termasuk kos perjalanan, kuarantin, dan ujian calitan (*swab test*) RT-PCR perlu ditanggung sepenuhnya oleh pelajar.

Keputusan ini dibuat setelah mengambilkira pelbagai aspek, terutamanya kemudahan dan ruang untuk penempatan pelajar berdasarkan SOP kuarantin. UNIMAS tidak berkompromi dalam usaha untuk memastikan keselamatan warga kampus daripada jangkitan wabak COVID-19. Pelajar-pelajar UNIMAS selain daripada kategori yang dibenarkan untuk kembali ke kampus dimohon untuk meneruskan pengajian secara dalam talian.

Untuk maklumat lanjut berkaitan dengan pelajar pra-siswazah, sila hubungi Bahagian Pengajian Pra-Siswazah di adminbpps@unimas.my atau +6082-581166 (waktu bekerja Isnin – Jumaat, 8.00 pagi – 5.00 petang). Soalan berkaitan pengajian siswazah boleh diajukan kepada Pusat Pengajian SiswaZah di cgs_general@unimas.my atau +6082-581053 (waktu bekerja Isnin – Jumaat, 8.00 pagi – 5.00 petang), manakala pertanyaan berkenaan kolej kediaman boleh diajukan kepada Pusat Khidmat Pelajar di residensi@unimas.my atau +6082-581823 (waktu bekerja Isnin – Jumaat, 8.00 pagi – 5.00 petang).

JAWATANKUASA COVID-19 UNIMAS

6 JANUARI 2021